

Pg. P.U. 27.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL, PENJAJA
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1991

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-undang
kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Dilarang menjaja tanpa lesen.
4. Permohonan lesen.
5. Penukaran jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual.
6. Saiz gerai.
7. Pemegang lesen tidak hadir.
8. Larangan.
9. Penjaja beredar.
10. Kereta tolak.
11. Kereta.
12. Penjaja beredar hendaklah berpindah-pindah.
13. Pemeriksaan doktor.
14. Kebersihan.
15. Kayu api tidak dibenarkan.
16. Tong sampah hendaklah diadakan.
17. Sampah pepejal yang basah.
18. Pelupusan sampah.
19. Tumpahan bahan busuk.
20. Bayaran.
21. Penalti.
22. Penyitaan.
23. Tuntutan ke atas barang-barang yang disita.
24. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PENJAJA
(MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1991

Akta 171.

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 73 (g) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Seberang Perai membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama,
pemakaian
dan mula
berkuatkuasa.

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai sahaja.

(2) Undang-undang kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh lanya disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Tafsiran.

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

"barang-barang" termasuklah apa-apa perkhidmatan yang diberi untuk keuntungan;

"gerai" termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papantunjuk dari apa-apa jua jenis atau apa-apa lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau pun tidak, yang mana di atas atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk dijual di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam;

"gerai berkunci" ertinya gerai yang dibina oleh Majlis atau oleh mana-mana badan kerajaan atau badan berkanun yang dikelaskan sebagai demikian oleh Majlis.

"kereta" termasuklah apa-apa kereta yang digerakkan dengan jentera atau selainnya dan termasuklah gadi, kereta sorong, kereta tolak, basikal, trisikal, motosikal, skutef, kar, van, lori, vesel, bot atau rakit yang dipadankan atau digunakan bagi maksud menjaja;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Seberang Perai;

"penjaja" termasuklah penjaja beredar, statik atau sementara;

"penjaja beredar" ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis;

"penjaja sementara" ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan, untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang

dari apa-apa jenis di petak yang ditetapkan atau di tempat yang dibenarkan bagi maksud itu oleh Majlis bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Majlis.

"penjaja statik" ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis:

"tempat awam" ertinya mana-mana lapangan terbuka, tempat letak kereta, kebun bunga, taman rekreasi dan bersuka-suka atau medan, sama ada terkepung atau tidak, yang dikhas atau diuntukkan bagi kegunaan orang ramai atau yang terbuka kepada orang ramai pada bila-bila masa.

3. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil ini.

Ditawar
menjadi
lesen.
Perumahan
lesen.

4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi mendapatkan lesen untuk bertindak sebagai penjaja hendaklah dibuat secara bertulis kepada Majlis dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Di mana permohonan bagi mendapatkan lesen diluluskan, Majlis hendaklah meminta pemohon memberi dua koping gambarfoto saiz paspot dengan mana pemohon boleh dikenali.

(3) Lesen hendaklah dalam borang yang ditetapkan oleh Majlis.

(4) Tiap-tiap lesen, selain daripada yang dikeluarkan kepada penjaja beredar, hendaklah berkenaan dengan tapak atau tapak-tapak tertentu.

(5) Tiap-tiap lesen hendaklah menyatakan—

(a) tempoh sahnya lesen itu;

(b) jenis makanan, minuman atau barang-barang yang akan dijual; dan

(c) terma-terma, syarat-syarat dan sekatan-sekatan sebagaimana yang difikirkan oleh Majlis patut dikenakan.

(6) Tiap-tiap lesen boleh dibatalkan oleh Majlis pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.

(7) Majlis boleh menurut budibicaranya enggan memberi atau membaharui sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

(8) Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah memamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis, kereta atau gerai yang dilesen, dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis.

(9) Pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesennya apabila lesen itu tamat tempohnya, dibatalkan, dipotong atau digantung, kepada Majlis.

Penjualan jenis
makanan,
minuman atau
barang-barang
yang akan dijual.

Saleh gerai.

Pemegang
lesen
tidak
hadir.

Larangan.

5. Fee sebanyak lima ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen untuk menukar jenis makanan, minuman atau barang-barang yang dibenar dijual di dalam lesen?

6. (1) Tiada suatu gerai, selain daripada gerai yang dibina oleh Majlis atau mana-mana badan Kerajaan atau badan berkanun, boleh melebihi dua meter panjang dan satu meter lebar melainkan dikecualikan oleh Majlis secara bertulis dan hendaklah beratap sebagaimana diluluskan oleh Majlis.

(2) Tiada suatu petak-peraga dinding boleh melebihi ukuran tiga puluh enam desimeter kali lapan belas desimeter kali tiga desimeter.

7. (1) Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan atau mengawasi perniagaan di gerai atau petaknya, melainkan jika ia tidak dapat hadir atas sesuatu sebab yang munasabah.

(2) Di mana pemegang lesen tidak dapat menguruskan perniagaannya di gerainya selama tempoh tiga puluh hari atau lebih, ia hendaklah melantik seorang nomini mengambil tempatnya dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan secara bertulis dari Majlis.

(3) Majlis tidak boleh, kecuali dalam hal-keadaan yang difikirkannya patut, memberi sesuatu kelulusan di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (2) undang-undang kecil ini bagi sesuatu tempoh lebih daripada tiga bulan.

(4) Di mana seorang nomini bertindak bagi pihak seorang pemegang lesen, di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang kecil ini, kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab yang dikenakan ke atas pemegang lesen di bawah undang-undang kecil ini hendaklah terletak ke atas nomini tersebut yang mana boleh didakwa atas apa-apa pelanggaran undang-undang kecil ini seolah-olah ia adalah pemegang lesen.

(5) Fee sebanyak lima ringgit hendaklah dibayar oleh pemegang lesen bagi melantik seorang nomini.

8. (1) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya—

(a) dalam lengkongan sembilan meter dari simpang jalan;

(b) dalam lengkongan tiga puluh enam desimeter dari pili bomba; atau

(c) di atas tangga, kakilima atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan dibenarkan oleh Majlis.

(2) Tiada seorang penjaja boleh menjalankan perniagaannya dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalulintas kereta dan pergerakan bebas orang-orang yang berjalan kaki.

(3) Tiap-tiap penjaja hendaklah mematuhi apa-apa arahan, lisan atau bertulis yang diberi oleh Majlis atau oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis berkenaan dengan penempatan gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya.

- (4) Tiap-tiap penjaja sementara hendaklah memindahkan dari petak atau tapaknya, gerai, kereta atau lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya pada waktu perniagaan ditutup tiap-tiap hari atau tiap-tiap malam, mengikut mana yang berkenaan.
- (5) Seorang penjaja hendaklah berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun melainkan dikecualikan oleh Majlis.
9. Tiada seorang boleh bertindak sebagai penjaja beredar di mana-mana jalan atau di mana-mana tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama. Penjaja beredar.
10. Kereta tolak yang digunakan oleh penjaja beredar tidak boleh melebihi ukuran lapan belas desimeter panjang dan sembilan desimeter lebar dan atapnya atau kajang di atasnya tidak boleh lebih panjang daripada tiga desimeter dari mana-mana bahagian kereta tolak itu. Kereta tolak.
11. Di mana kereta digunakan oleh penjaja beredar, saiz atau bentuk kereta itu hendaklah mengikut sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis. Kereta.
12. Penjaja beredar tidak boleh berada tetap di sesuatu tempat kecuali pada waktu ia sebenarnya menjual barang-barang kepada pelanggan-pelanggan dan pada waktu ia tidak sebenarnya berbuat demikian ia hendaklah sentiasa berpindah-pindah. Penjaja beredar hendaklah berpindah-pindah.
13. Tiap-tiap penjaja hendaklah dikenakan pemeriksaan doktor mengikut sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis. Pemeriksaan doktor.
14. Tiap-tiap penjaja hendaklah menjaga— Kebersihan.
- (a) dirinya dan pakaiannya supaya berada dalam keadaan bersih;
- (b) gerai atau keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih dan bebas dari kekotoran dan hendaklah mencuci atau mencatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis; dan
- (c) kebersihan kawasan persekitarannya.
15. Tiada penjaja boleh menggunakan kayu api di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dikecualikan oleh Majlis. Kayu api tidak dibenarkan.
16. Tiap-tiap penjaja hendaklah mengadakan tong-tong sampah atau bekas-bekas yang cukup sebagaimana perlu sebagai tempat mengisi sampah. Tong sampah hendaklah diadakan.
17. Segala sampah busuk atau sampah pepejal basah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum diletakkan dalam tong sampah. Sampah pepejal yang basah.
18. Segala sampah dalam tong sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang diarahkan oleh Majlis. Pelupusan sampah.
19. Tiada seorang penjaja boleh menyebabkan atau membenarkan diletakkan, ditampahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air asin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana tempat awam lain. Tampahan bahan busuk.

Bayaran. 20. (1) Fee yang kena dibayar bagi suatu lesen hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua dan hendaklah dibayar terlebih dahulu.

(2) Majlis boleh mengeluarkan salinan lesen yang disahkan mengikut undang-undang kecil ini dengan bayaran sebanyak lima ringgit bagi tiap-tiap satu salinan.

Penalti. 21. Seseorang yang bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis di bawah undang-undang kecil ini atau seseorang yang, setelah diberi lesen oleh Majlis di bawah undang-undang kecil ini, bertindak berlawanan dengan mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

Penyitaan. 22. (1) Apa-apa barang yang dicadang atau didedahkan untuk jualan, bersama-sama dengan bekasnya dan apa-apa alat yang menyertainya dan juga gerai atau kereta kepunyaan orang yang tidak dilisen untuk bertindak sebagai penjaja di bawah undang-undang kecil ini boleh disita oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis dan dipindahkan ke mana-mana tempat yang ditentukan oleh Majlis dan ditahan di situ atas risiko pemunyaanya.

(2) Apa-apa barang yang tidak tahan lama yang disita di bawah perenggan (1) undang-undang kecil ini boleh dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Majlis.

Tuntutan ke atas barang-barang yang disita. 23. Seseorang yang ada apa-apa tuntutan ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan dan ditahan di bawah undang-undang kecil 22, boleh menuntut barang-barang itu daripada Majlis dalam tempoh satu bulan dari tarikh barang-barang itu disita tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis dan tertakluk kepada bayaran yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Dengan syarat bahawa jika sekiranya tiada apa-apa tuntutan dibuat ke atas mana-mana barang yang telah dipindahkan atau ditahan itu dalam tempoh satu bulan yang dinyatakan itu, Majlis boleh melupuskan barang-barang itu mengikut cara yang difikirkan patut.

Pemansuhan. 24. Undang-Undang Kecil Penjaja, Kerajaan Tempatan Seberang Perai 1974 adalah dengan dimansuhkan.

Diperbuat pada 28hb Jun 1991.

[MPSP/99/1-4/3.]

ZAINUDIN BIN DATO' AWANG NGAIL,
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Disahkan pada 27hb Mei 1992.
[PSUK/PP/004.5.1.22.]

NO WEE KOK,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Pulau Pinang

JADUAL PERTAMA
(Undang-Undang Kecil 9)

1. Mana-mana jalan atau sebahagian sesuatu jalan dalam lengkungan lima puluh meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, pasar awam, bangunan-bangunan pejabat Majlis Perbandaran atau Kerajaan, tempat-tempat awam atau kawasan perniagaan yang diuntukkan bagi penjaja-penjaja stalik.
2. Semua tempat letak kereta awam.
3. Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
4. Semua bahagian jalan-jalan awam yang berikut:
 - (1) Jalan Bagan Luar, Butterworth.
 - (2) Jalan Pantai, Butterworth.
 - (3) Jalan Pier, Butterworth.
 - (4) Jalan Kampong Gajah, Butterworth.
 - (5) Jalan Kampong Paya, Butterworth.
 - (6) Jalan Bagan Jermal, Butterworth.
 - (7) Jalan Bagan Ajam, Butterworth (dari persimpangannya dengan Jalan Tamby Kechil sehingga persimpangannya dengan Jalan Paku Lima).
 - (8) Jalan New Ferry, Butterworth.
 - (9) Jalan Chain Ferry, Butterworth.
 - (10) Kawasan Perindustrian Mak Mandin.
 - (11) Jalan Pasar, Bukit Mertajam.
 - (12) Jalan Danby, Bukit Mertajam.
 - (13) Jalan Station, Bukit Mertajam.
 - (14) Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng, Bukit Mertajam.
 - (15) Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam.
 - (16) Jalan Bunga Raya, Bukit Mertajam.
 - (17) Jalan Muthupalaniappa, Bukit Mertajam.
 - (18) Jalan Sungai Rambai, Bukit Mertajam.
 - (19) Jalan Baru, Perai.
 - (20) Kawasan Perindustrian Perai.
 - (21) Jalan-jalan yang ditentukan oleh Tuan Yang Dipertua dari masa ke semasa.

JADUAL KEDUA
(Undang-Undang Kecil 20)

1. Penjaja Beredar:
\$60.00 setahun, tamat tempoh pada 31 Disember tahun lesen dikeluarkan.
2. Penjaja Statik:
 - (a) untuk gerai sehingga 2.0 meter persegi ... \$30.00
setahun
 - (b) bagi setiap tambahan 1 meter persegi atau sebahagian darinya \$15.00
setahun
3. Petak peraga di dinding:
\$5.00 setahun, tamat tempoh pada 31 Disember tahun lesen dikeluarkan.
4. Bayaran bagi pindahmilik lesen gerai \$ 5.00
5. Penjaja Sementara:
 - (a) \$15.00 sebulan satu petak; atau
 - (b) 50 sen sehari atau semalam satu petak mengikut mana yang berkenaan.

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 23)

1. Memindahkan gerai atau barang-barang ... \$50.00
sehingga
\$150.00
2. Bayaran menyimpan gerai atau barang-barang \$10.00
sehari

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HAWKERS (MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY)
By-Laws 1991

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation, application and commencement.
2. Interpretation.
3. Prohibition to hawk without licence.

4. Application for a licence.
5. Change of type of food, drinks or goods to be sold.
6. Size of stall.
7. Absence of licensee.
8. Prohibition.
9. Itinerant hawker.
10. Handcart.
11. Vehicle.
12. Itinerant hawker to be on the move.
13. Medical examination.
14. Cleanliness.
15. No firewood.
16. Provisions of refuse bins.
17. Wet solid refuse.
18. Disposal of refuse.
19. Spilling of offensive matter.
20. Fees.
21. Penalty.
22. Seizure.
23. Claims of seized goods.
24. Repeal.

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

THIRD SCHEDULE

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

HAWKERS (MUNICIPAL COUNCIL OF PROVINCE WELLESLEY)

BY-LAWS 1991

In exercise of the powers conferred by sections 73(g) of the Act 171. Local Government Act 1976, the Municipal Council of Province Wellesley makes, and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

1. (1) These by-laws may be cited as the **Hawkers (Municipal Council of Province Wellesley) By-Laws 1991** and shall apply only to the area of the Municipal Council of Province Wellesley.

Chapter,
application and
commencement.

(2) These by-laws shall come into force on the date of publication in the *Government Gazette*.

Interpretation.

2. In these by-laws unless the context otherwise requires:

"Council" means the Municipal Council of Province Wellesley;

"goods" includes any services rendered for profit;

"hawker" includes itinerant, static or temporary hawker;

"itinerant hawker" means any person who with or without vehicle goes from place to place to expose, distribute or deliver for sale any food, drinks or goods of any kind;

"lock-up stall" means a stall constructed by the Council or by any government or statutory body classified as such by the Council;

"public place" means any open space, parking place, garden, recreation and pleasure ground or square, whether enclosed or not, set apart or appropriated for the use of the public or to which the public shall at any time have access;

"stall" includes any lock-up stall, table, store, stool, bench, basket, chair, kandar stick, wall showcase, showboard of whatever nature or any other appurtenances whether a portable or non-portable and whether on wheels or not on wheels, whereon or wherein food, drinks or goods of any kind are sold or exposed for sale in any private or public place;

"static hawker" means any person who sets up a stall in any private or public place and sells or exposes for sale any food, drinks or goods of any kind;

"temporary hawker" means any person who occasionally sets up a stall and sells or exposes for sale any food, drinks or goods of any kind in a pitch designated or at any place allowed for such purpose by the Council for such period as the Council may determine;

"vehicle" includes any vehicle mechanically driven or otherwise and includes a barrow, cart, bicycle, tricycle, motorcycle, scooter, car, van, lorry, vessel, boat or raft adopted or used for the purpose of hawking.

Prohibition to hawk without licence.

Application for a licence.

3. No person shall act as a hawker without a licence issued by the Council under these by-laws.

4. (1) Every application for a licence to act as a hawker shall be made in writing to the Council in such form as the Council may determine.

(2) Where an application for a licence is granted, the Council shall require the applicant to submit two passport size photographs of the applicant which shall portray a recognizable likeness of the applicant.

(3) A licence shall be in such form as the Council may determine.

(4) Every licence, other than that issued to an itinerant hawker, shall be in respect of a specified site or sites.

(5) Every licence shall specify—

(a) the period for which the licence shall be valid;

(b) the type of food, drinks or goods to be sold; and

(c) the terms, conditions and restrictions as the Council may think fit to impose.

(6) Every licence shall be revocable by the Council at any time without assigning any reason therefor.

(7) The Council may at its discretion refuse to grant or renew any licence without assigning any reason therefor.

(8) Every person to whom a licence has been granted shall exhibit his licence at all times in some prominent place on the licensed premises, vehicle or stall and shall produce such licence if required to do so by the Council or any person authorised by the Council.

(9) A licence shall surrender his licence, upon its expiry, revocation, cancellation or suspension to the Council.

5. A fee of five ringgit shall be payable by a licensee to change the type of food, drinks or goods allowed to be sold under the licence. Change of type of food, drinks or goods to be sold.

6. (1) No stall other than a stall constructed by the Council or any government or statutory body shall exceed two metres in length and one metre in width unless exempted by the Council in writing and shall have such covering as approved by the Council. Size of stall.

(2) No wall showcases shall exceed thirty six decimetres by eighteen decimetres by three decimetres.

7. (1) A licensee shall, unless absent for some reasonable cause, at all times be present and conduct or superintend the business at his stall or pitch. Absence of licensee.

(2) Where a licensee cannot attend to his business at his stall for a period of thirty days or more, he shall appoint a nominee in his place with the prior approval in writing of the Council.

(3) The Council shall not, except in such circumstances as it may think fit, grant any approval under the provisions of paragraph (2) of this by-law for any period in excess of three months.

(4) Where a nominee acts for a licensee under the provisions of this by-laws, the duties and responsibilities imposed on a licensee under these by-laws shall fall upon such nominee who shall be liable to prosecution for any contravention of these by-laws as if he were the licensee.

(5) A fee of five ringgit shall be payable by a licensee for the appointment of a nominee.

8. (1) No hawker shall carry on his business— Prohibition.

(a) within nine metres of a street junction;

(b) within thirty-six decimetres of a fire hydrant; or

(c) on a stairway, five-foot-way or a public pavement unless permitted by the Council.

(2) No hawker shall carry on his business in such a manner as to obstruct or to interfere with the free flow of vehicular traffic and of the free movement of pedestrians.

(3) Every hawker shall comply with such verbal or written directions that may be given by the Council or by any person authorised by the Council with regard to the placing of his stall, vehicle or other appurtenances relating to his business.

(4) Every temporary hawker shall remove from his pitch or site, the stall, vehicle or other appurtenances relating to his business at the close of business each day or night as the case may be.

(5) No hawker shall be less than eighteen years of age unless exempted by the Council.

Itinerant
hawker

9. No person shall act as an itinerant hawker in any street or at any place specified in the First Schedule.

Handcart.

10. The handcart used by an itinerant hawker shall not exceed eighteen decimetres in length and nine decimetres in width and the cover or awning over it shall not extend more than three decimetres beyond any part of the handcart.

Vehicle.

11. Where a vehicle is used by an itinerant hawker it shall be of such size or shape as may be approved by the Council.

Itinerant
hawker to be
the move.

12. No itinerant hawker shall remain stationary in any place except when actually engaged in the sale of goods to customers and when not so engaged he shall be continually on the move.

Medical
examination.

13. Every hawker shall be subjected to such medical examination as may be directed by the Council.

Cleanliness.

14. Every hawker shall maintain—

(a) his person and clothing in a state of cleanliness;

(b) his stall or vehicle and other appurtenances relating to his business in a clean and sanitary condition and shall have it painted or repainted at such time as may be directed by the Council; and

(c) his surrounding areas clean.

No firewood.

15. No hawker shall use firewood at his place of business for the purpose of preparing food unless exempted by the Council.

Provision of
refuse bins.

16. Every hawker shall provide adequate refuse bins or receptacles as may be necessary for the reception of refuse.

Wet and/or
refuse.

17. All putrescible or wet solid refuse shall be placed in plastic bags or other suitable containers before they are deposited in refuse bins.

Disposal of
refuse.

18. All refuse in the refuse bins shall be disposed off by the hawker in such manner as may be directed by the Council.

Spilling of
offensive
matter.

19. No hawker shall cause or permit to be deposited, spilled, scattered or thrown any blood, brine, waste liquid or other offensive matter into any drain or in any other public place.

20. (1) The fee payable for a licence shall be as prescribed in the Fees.
Second Schedule and shall be paid in advance.

(2) The Council may issue certified copies of a licence issued under these by-laws at a fee of five ringgit per copy.

21. Any person who acts as a hawker without a licence issued by the Penalty
Council under these by-laws or any person who being licensed by the Council under these by-laws acts in contravention of any of the provisions of these by-laws shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one thousand ringgit.

22. (1) Any articles intended or exposed for sale, together with their Seizure.
containers and any accompanying appliances and the stall or vehicle belonging to a person not licensed to act as a hawker under these by-laws may be seized by any officer authorised in writing by the Council and removed to and detained at such place as may be determined by the Council at the risk of the owner.

(2) Any perishable articles seized under paragraph (1) of this by-law may be disposed off in such manner as the Council may determine.

23. Any person having any claim to any of the goods that have been Claims of seized goods.
removed and detained under by-law 22 may claim the same from the Council within a period of one month from the date of seizure subject to such conditions as may be imposed by the Council and subject to the payment of the fees as prescribed in the Third Schedule;

Provided that in the event of there being no claim made to any of the goods that have been removed and detained within the specified period of one month, the Council may dispose off the said goods in such manner as the Council may think fit.

24. The Seberang Perai Kerajaan Tempatan Itinerant Hawkers Repeal.
Pg. P.U. 41/92.
By-laws 1974 is hereby repealed.

Made this 28th day of June 1991.
[MPSI/99/1-4/3.]

ZAINUDIN BIN DATO' AWANG NGIAT,
President,
Municipal Council of Province Wellesley

Confirmed on 27th day of May 1992.
[PSUK/PP/04.5.1.22.]

NEE WEE KOK,
Clerk of Council,
State Executive Council,
Penang

FIRST SCHEDULE
(By-Law 9)

1. Any street or portion of a street within fifty metres of any of the entrances or exits or precincts of any school, hospital, public markets, municipal council of government office buildings, public places or trading areas provided for static hawkers.
2. All public car parks.
3. All bus-stops, bus stations and taxi stands.
4. All portions of the following public streets:
 - (1) Jalan Bagan Luar, Butterworth.
 - (2) Jalan Pantai, Butterworth.
 - (3) Jalan Pier, Butterworth.
 - (4) Jalan Kampong Gajah, Butterworth.
 - (5) Jalan Kampong Paya, Butterworth.
 - (6) Jalan Bagan Jermal, Butterworth.
 - (7) Jalan Bagan Ayam, Butterworth from it's junction with Jalan Tamby Kechil to it's junction with Jalan Paku Lima.
 - (8) Jalan New Ferry, Butterworth.
 - (9) Jalan Chain Ferry, Butterworth.
 - (10) Mak Mandin Industrial Area.
 - (11) Jalan Pasar, Bukit Mertajam.
 - (12) Jalan Danby, Bukit Mertajam.
 - (13) Jalan Station, Bukit Mertajam.
 - (14) Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng, Bukit Mertajam.
 - (15) Jalan Arumugam Pillai, Bukit Mertajam.
 - (16) Jalan Bunga Raya, Bukit Mertajam.
 - (17) Jalan Muthupalaniappa, Bukit Mertajam.
 - (18) Jalan Sungai Rambai, Bukit Mertajam.
 - (19) Jalan Baru, Perai.
 - (20) Prai Industrial Area.
 - (21) Such other streets as may be prescribed by the President from time to time.

SECOND SCHEDULE
(By-Law 20),

1. Itinerant hawker:
\$60.00 per annum; expiring on 31st December of year of issue.
2. Static hawker:
 - (a) for stalls up to and including 2.0 square metres in area \$30.00 per annum
 - (b) for every additional of 1 square metre or part thereof \$15.00 per annum
3. Wall showcase:
\$5.00 per annum; expiring on 31st December of year of issue.
4. Fee for transfer of stall licence \$ 5.00
5. Temporary hawker:
 - (a) \$15.00 per month per pitch; or
 - (b) 50 cents per day or per night per pitch; whichever is applicable.

THIRD SCHEDULE
(By-Law 23)

1. Removal of stall or goods \$50.00 to \$150.00
2. Storage fee of a stall or goods \$10.00 per day